

**LAPORAN PROJEK CTI – PENGURUSAN PERIKANAN MELALUI PENDEKATAN  
EKOSISTEM (*ECOSYSTEM APPROACH TO FISHERIES MANAGEMENT/ EAFM*) -  
PEMBENTANGAN HASIL KONSULTASI BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN  
INDUSTRI PERIKANAN UDANG LAUT DI DAERAH SANDAKAN, SABAH DAN  
PROGRAM MINI EAFM INDUSTRI PERIKANAN UDANG LAUT SANDAKAN**

**IBIS STYLES HOTEL SANDAKAN, SABAH, 28 OGOS 2015**

### **1.0 Pengenalan**

Konsultasi bersama pihak berkepentingan industri perikanan udang laut di daerah Sandakan telah diadakan pada 28 Ogos 2015 di Ibis Styles Hotel Sandakan. Program konsultasi ini telah dihadiri oleh seramai 43 orang daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Perikanan Sabah, Taman-Taman Sabah (TTS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, Coral Triangle Initiative Sabah Branch (CTI-SAB), Persatuan Perikanan Sandakan, pengusaha-pengusaha industri perikanan udang laut Sandakan (Kilang Pemprosesan dan nelayan) dan WWF-Malaysia.

Tujuan konsultasi ini diadakan adalah untuk:

- 1) Membentangkan Hasil Program Mini EAFM Industri Udang Laut Sandakan, 04 Ogos 2015.
- 2) Membincangkan dan merekod isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri udang laut Sandakan Kawasan Operasi Pukat Tunda Zon Sandakan

### **2.0 Perutusan Pengerusi**

Dr. Norasma Dacho, Ketua Cawangan Konservasi dan Alam Sekitar menyampaikan perutusan daripada En. Godfery Kiskey, Timbalan Pengarah Perikanan Sabah (Pengurusan)/ Ketua Bahagian Marin. En. Godfery Kiskey memohon maaf kerana tidak dapat menghadiri sesi konsultasi pada hari ini. Beliau menyampaikan penghargaan kepada para hadirin yang meluangkan masa dan menghadiri program ini. Dr. Norasma Dacho membincangkan aturcara program dengan para hadirin. Aturcara program diterima tanpa perubahan. Aturcara program dilampirkan pada **Lampiran A**. Senarai kehadiran program dilampirkan dalam **Lampiran B**.

### **3.0 Tayangan Video Program Mini EAFM Udang Laut Sandakan, 04 Ogos 2015**

Pihak urusetia telah menyediakan video kompilasi gambar-gambar aktiviti serta rakaman pendek video-video aktiviti semasa program Mini EAFM Udang Laut Sandakan pada 04 Ogos 2015. Video ini ditayangkan bagi mengimbuai semula ingatan para hadirin mengenai aktiviti mini EAFM yang telah dijalankan.

### **4.0 Pembentangan Hasil Program Mini EAFM pada 04 Ogos 2015**

Dr. Norasma Dacho membentangkan hasil program mini EAFM bersama pihak berkepentingan perikanan industri perikanan udang laut di Daerah Sandakan yang

telah diadakan pada 04 Ogos 2015. Salinan slaid pembentangan dilampirkan sebagai **Lampiran C**.

## 5.0 Cadangan Pelan EAFM Udang Laut Sandakan

### 5.1 Ancaman dan Isu

Ahli-ahli mesyuarat bersetuju bahawa isu-isu dan juga ancaman-ancaman yang dibincangkan semasa konsultasi pertama merupakan senarai isu dan ancaman yang dihadapi oleh industri perikanan udang laut Sandakan:

Isu dan Ancaman	Huraian	Jabatan Yang Terlibat
Kawasan Penangkapan Ikan	Nelayan-nelayan dari Kg. Tanjung Aru menyatakan bahawa terdapat kekeliruan mengenai kawasan larangan penangkapan ikan	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
Pencemaran daripada Industri Kelapa Sawit	Jumlah udang semakin sedikit dan ini mungkin disebabkan oleh pencemaran dari industri kelapa sawit (racun dan baja).	1. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) 2. Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) 3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 4. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 5. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW)
Penggunaan alat penangkapan yang diharamkan	Pukat harimau/ pukat karan/ pukat tiga lapis kini masih digunakan secara berleluasa walaupun alat penangkapan itu telah diharamkan	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
Ketidak-seragaman undang-undang	Terdapat undang-undang atau peraturan yang bertindih antara agensi. Maka, adalah perlu bagi agensi-agensi kerajaan menyeragamkan undang-undang bagi mengurangkan kekeliruan di kalangan masyarakat nelayan.	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
Pemasangan alat <i>Turtle Excluder Device</i> (TED)	- terdapat kapal pukat tunda yang memukat di kawasan berdekatan Taman-Taman	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Jabatan Perikanan

	Sabah dan menyebabkan banyak penyu tertangkap. - Pemasangan peralatan TED boleh digalakkan bagi kapal pukot tunda.	Malaysia 3. Taman-taman Sabah 4. WWF-Malaysia
Perlindungan Hutan Bakau	Hutan Paya Bakau penting sebagai nurseri udang laut	Jabatan Perhutanan Sabah

## 5.2 Tambahan Isu dan Cabaran:

1. En. Muslim bin Hj. Moxsin, nelayan Kg. Tanjung Aru menyatakan bahawa daerah Sandakan menghadapi masalah pembuangan sampah ke laut. Beliau menyatakan bahawa beliau pernah ternampak kejadian di mana pihak Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) menolak timbunan sampah ke laut di Pasar Sandakan. Beliau juga mencadangkan agar beg plastik diharamkan dan penggunaan beg kitar semula atau beg kertas perlu digalakkan. Dr. Norasma Dacho menjelaskan bahawa pihak MPS telah dijemput bagi menghadiri sesi konsultasi ini, namun, mungkin disebabkan kesibukan kerja di pejabat, tiada wakil dapat menghadiri sesi ini. Walau bagaimanapun, isu ini akan dibangkitkan dalam sesi konsultasi bersama pihak-pihak berkepentingan daripada agensi kerajaan.

En. Laester Bulun, Ketua Pengkalan Penguatkuasaan Daerah Sandakan mencadangkan agar masalah pembuangan sampah ini diajukan kepada pihak atasan, dikemukakan ke dalam mesyuarat tindakan daerah atau dimaklumkan kepada wakil rakyat bagi mendapat tindakan penyelesaian.

2. En. Masni bin Omar dan En. Muslim bin Hj. Moxsin, nelayan dari Kg. Tanjung Aru menyatakan bahawa masalah penggunaan 'pam bot' perlu ditangani. Mereka mencadangkan agar Jabatan Laut dilibatkan dalam sesi konsultasi ini bagi menangani masalah ini. Mereka juga meluahkan rasa kecewa kerana penggunaan 'pam bot' masih berleluasa tanpa penguatkuasaan yang berkesan. Mereka juga meminta pencerahan berkenaan kurangnya penguatkuasaan dalam hal ini.

Lt (M). Amir Aizzuddin bin Tajuddin, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) menyatakan bahawa masalah 'pam bot' adalah di luar bidang kuasa Jabatan Laut dan juga APMM. En. Laester Bulun turut menyokong pihak APMM dan menyatakan bahawa masalah "pam bot" ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perlabuhan dan Dermaga. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan adalah susah kerana bot-bot ini kecil dan mampu memasuki perairan yang cetek.

En. Mohd. Kassim Karim, Taman-taman Sabah berkongsi dengan ahli-ahli mesyuarat bahawa hanya 'pam bot' bersayap sahaja diharamkan di Sabah. Walau

bagaimanapun, pengharaman semua jenis 'pam bot' seharusnya dikuatkuasakan di Sabah. Beliau menyatakan bahawa pihak Taman-taman Sabah telah memerhati bahawa 'pam bot' merupakan kenderaan utama memasukkan pendatang asing ke Sabah. Beliau juga menyatakan bahawa kebanyakan pendatang asing menggunakan 'pam bot' untuk memasuki perairan cetek dan mengumpul ketam-ketam. Ini menyebabkan kehilangan sumber pendapatan bagi orang tempatan.

3. En. Sapli Hj Mulok, Ketua Cawangan Pembangunan Marin bertanya kepada pihak nelayan pukut tunda sama ada terdapat konflik antara nelayan pukut tunda dan nelayan tradisional. En. Yusran bin Yusop, nelayan dari Kg. Tanjung Aru menerangkan bahawa terdapat beberapa kejadian di mana kapal pukut jerut terpaksa membayar pampasan kepada nelayan tradisional kerana merosakkan atau melanggar pukut mereka. Pihak nelayan pukut tunda terpaksa akur untuk membayar pampasan walaupun pukut yang dilanggar itu berada di kawasan laluan kapal. Ini adalah kerana pihak nelayan tradisional sering menuntut pampasan tersebut dalam kumpulan yang besar.

## 6.0 Hal-hal lain

1. En. Masni bin Omar menunjukkan gambar-gambar *Global Positioning System* (GPS) yang menunjukkan bahawa terdapat perairan di Kg. Tanjung Aru yang melebihi 9 meter. En. Laester Bulun mengucapkan syabas kepada En. Masni bin Omar kerana berusaha mengenalpasti kawasan yang tidak menyalahi undang-undang bagi menjalankan aktiviti penangkapan udang. Beliau mengesyorkan agar nelayan-nelayan mengenalpasti kawasan-kawasan penangkapan ikan dengan kedalaman melebihi 9 meter dengan menggunakan alat GPS.
2. En. Phua Peh Chee, Persatuan Nelayan Sandakan mengajukan soalan kepada pihak LKIM. Beliau bertanya sama ada pemilik-pemilik kapal pukut jerut layak mendapat elaun sara hidup nelayan. En. Mohd Sulong bin Ampong, LKIM menerangkan bahawa nelayan-nelayan komersial adalah tidak layak untuk mendapat elaun sara hidup, namun, mereka layak untuk mendapatkan insentif tangkapan, di mana setiap kilogram tangkapan akan diberi insentif RM0.10. Insentif ini terhad kepada nilai RM1500.00 bagi setiap bulan. En. Phua Peh Chee menyatakan beliau tidak pernah mendapat insentif tersebut dan meminta budi baik pihak Jabatan Perikanan Sabah untuk membantu dalam hal ini. Pn. Norainon Madra, Penguasa Perikanan Sandakan bersetuju untuk membantu dalam memudah cara dalam perkara ini.
3. En. Yusran bin Yusop memohon agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan mengurangkan kedalaman air bagi kawasan larangan. Dr. Norasma Dacho menyatakan bahawa isu ini akan diusulkan semasa sesi konsultasi

bersama pihak-pihak berkepentingan daripada agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, perkara ini telah pun ditetapkan oleh pihak yang berwajib dan nelayan perlu mematuhi nya. Pengurangan kedalaman air bagi kawasan larangan mungkin menyebabkan lebih banyak konflik antara nelayan komersial dan tradisional kerana pertindihan kawasan penangkapan ikan.

4. En. Mohd Sulong bin Ampong menyatakan bahawa jarak penanaman kelapa sawit perlu ditambah kepada 200m daripada pantai ataupun tebing sungai. Kenyataan beliau adalah berasaskan perbincangan konsultasi yang lepas mengenai kesan pengaliran racun dan baja daripada kelapa sawit ke dalam sungai yang menyebabkan pengurangan stok udang.

## **7.0 Majlis Penutupan dan Penangguhan Mesyuarat**

Dr. Norasma Dacho menyatakan bahawa forum bersama pihak berkepentingan daripada agensi kerajaan akan diadakan bagi membincangkan isu-isu yang ditimbulkan hasil daripada 3 sesi konsultasi ini. Setelah membentangkan isu dan cabaran serta mendapat maklumat dan persetujuan daripada agensi-agensi kerajaan, pihak urusetia akan membentangkan hasil perbincangan tersebut dengan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan langsung dengan industri udang laut (nelayan, kilang pemprosesan dan persatuan nelayan).

Beliau mengucapkan terima kasih kepada para hadirin kerana meluangkan masa bagi menjayakan program pada hari ini.

Gambar aktiviti-aktiviti semasa sesi konsultasi dilampirkan sebagai **Lampiran F**.

**Agenda Projek CTI – Pengurusan Perikanan Melalui Pendekatan Ekosistem  
(Ecosystem Approach to Fisheries Management/ EAFM) - Pembentangan Hasil  
Program Mini EAFM Industri Perikanan Udang Laut Sandakan**

Tarikh : 28 Ogos 2015 (Jumaat)  
Masa : 8:30 – 10:30 pagi  
Tempat : Ibis Styles Hotel, Sandakan

8.30 – 9.00 AM	Pendaftaran / Minum pagi
9.00 – 9.15 AM	Perutusan Pengerusi
9.15 – 09.45 AM	Pembentangan hasil Program Mini EAFM Industri Perikanan Udang Laut Sandakan, 4 Ogos 2015
09.45 – 10.15 AM	Cadangan Pelan EAFM Udang Laut Sandakan
10.15 – 10.30 AM	Sesi Bergambar
10.30 AM	Majlis bersurai

**LAMPIRAN B**

**SENARAI KEHADIRAN PROJEK CTI - PENGURUSAN PERIKANAN MELALUI  
PENDEKATAN EKOSISTEM (ECOSYSTEM APPROACH TO FISHERIES  
MANAGEMENT/ EAFM) - PEMBENTANGAN HASIL PROGRAM MINI EAFM INDUSTRI  
PERIKANAN UDANG LAUT SANDAKAN, IBIS STYLES HOTEL, SANDAKAN, 28 OGOS  
2015**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>AGENSI/ SYARIKAT/ NO. KAPAL</b>
1.	Dr. Norasma Dacho	Jabatan Perikanan Sabah , Ketua Cawangan Konservasi dan Alam Sekitar
2.	En. Sapli Hj Mulok	Jabatan Perikanan Sabah, Ketua Cawangan Pembangunan Marin
3.	Pn. Norainon Madra	Jabatan Perikanan Sabah, Penguasa Perikanan Sandakan
4.	En. Harpudin Boro	Jabatan Perikanan Sabah, Pejabat Perikanan Lahad Datu
5.	En. Laester Bulun	Jabatan Perikanan Sabah, Ketua Pengkalan Penguatkuasaan Daerah Sandakan
6.	Cik Jessie Beliku	Jabatan Perikanan Sabah, Cawangan Konservasi dan Alam Sekitar
7.	Cik Sylvia Scholastica Michael Dalansing	Jabatan Perikanan Sabah, Cawangan Konservasi dan Alam Sekitar
8.	Pn. Nurjinh Jika	Jabatan Perikanan Sabah, Cawangan Konservasi dan Alam Sekitar
9.	En. Deeley Santani	Jabatan Perikanan Sabah, Cawangan Konservasi dan Alam Sekitar
10.	En. Azis bin Ramlan	Jabatan Perikanan Sabah, Pejabat Perikanan Sandakan
11.	En. Muhammad Taufiq bin Mohd Sallehin	Jabatan Perikanan Sabah, Pejabat Perikanan Sandakan
12.	En. Raj Kumar Nathan	Jabatan Tanah dan Ukur
13.	En. Mohd. Kassim Karim	Taman-taman Sabah
14.	En. Johny @ Hasbulah Buis	Taman-taman Sabah
15.	En. Mohd Sulong bin Ampong	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Wilayah 2, Sandakan
16.	En. Josebell Selimin	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Wilayah 2, Sandakan
17.	Lt (M). Amir Aizzuddin bin Tajuddin	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Sandakan
18.	En. Madzali Sulaiman	Jabatan Imigresen Malaysia, Sandakan
19.	En. Raymund Wong	Jabatan Perhutanan Sabah

20.	Pn. Jane Jenny James	Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah/ Coral Triangle Initiative Sabah Branch (CTI-SAB)
21.	En. Raymie Nurhasan	WWF-Malaysia
22.	En. Phua Peh Chee	Persatuan Perikanan Sandakan
23.	En. Chin Git Chong	Persatuan Perikanan Sandakan
24.	En. Chin Vui Jye	Widegrowth Marine Products Sdn. Bhd.
25.	En. Lau Sie Ying	Sabah Sea Produce Sdn. Bhd.
26.	En. Muslim bin Hj. Moxin	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Tanjung Aru
27.	En. Masni bin Omar	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Tanjung Aru
28.	En. Iderus bin Omar	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Tanjung Aru
29.	En. Haris bin Omar	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Tanjung Aru
30.	En. Nasrun bin Mansor	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Bambangan
31.	En. Lahiya bin Latip	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Tinoso 2
32.	Pn. Rahmawati bt Muhd Rashid	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Tinoso 2
33.	Hjh. Masdiana bt. Andisanrang	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
34.	HJ. Bahar bin Ressa	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
35.	Pn. Arapah bt Abu	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
36.	En. Jamil bin Mappasene	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
37.	Pn. Sharifah Habirina bt. Abu Bakar	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
38.	En. Amiruddin bin Sappa	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
39.	Cik Nursyafika bt. A-Rahman	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
40.	En. Yusran bin Yusop	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
41.	En. Munta bin Saide	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
42.	Pn. Idawati bt Lau	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih
43.	En. Usman bin Musa	Pemilik Kapal Tunda, Kg. Batu Putih



## LAMPIRAN C



### **Konsultasi Kedua Bersama Pihak Berkepentingan Industri Perikanan Udang Laut di Sandakan, Sabah**

Tarikh : 04 Ogos 2015  
Tempat : Hotel Ibis Style, Sandakan  
Hadirin : 43 Orang

Pihak Berkepentingan: Jabatan Perikanan Sabah, APMM, TTS, LKIM, MPS, JAS, Jab. Pengairan & Saliran, Imigresen, Jab. Perhutanan, UMS, CTI-SAB, PENGESAN, Persatuan Perikanan Sandakan, penguasaha-pengusaha industri perikanan udang laut Sandakan (Kilang Pemprosesan dan nelayan) dan WWF-Malaysia.

## Tujuan konsultasi :

- 1) Membentangkan Laporan Projek CTI – Pengurusan Perikanan Melalui Pendekatan Ekosistem (Ecosystem Approach to Fisheries Management / EAFM) konsultasi bersama pihak berkepentingan industri perikanan udang laut di Sandakan, Sabah, 06 Mei 2015.
- 2) Membentangkan Kawasan Operasi Pukat Tunda Zon Sandakan
- 3) Menjalankan Mini EAFM bagi Pihak Berkepentingan Udang Laut



### GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI





## Mini EAFM (Ancaman dan Isu)

Isu dan Ancaman	Huraian	Jabatan Yang Terlibat
Kawasan Penangkapan Ikan	Nelayan Kg. Tanjung Aru menyatakan bahawa terdapat kekeliruan mengenai kawasan larangan penangkapan ikan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Perikanan Sabah</li> <li>2. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)</li> </ol>
Pencemaran daripada Industri Kelapa Sawit	Jumlah udang semakin sedikit dan ini mungkin disebabkan oleh pencemaran dari industri kelapa sawit (racun dan baja).	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS)</li> <li>2. Jabatan Tanah dan Ukur (JTU)</li> <li>3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)</li> <li>4. Jabatan Alam Sekitar (JAS)</li> <li>5. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW)</li> </ol>

Isu dan Ancaman	Huraian	Jabatan Yang Terlibat
Penggunaan alat penangkapan yang diharamkan	Pukat harimau/ pukat karan/ pukat tiga lapis kini masih digunakan secara berleluasa walaupun alat penangkapan itu telah diharamkan	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
Ketidak-seragaman undang-undang	Terdapat undang-undang atau peraturan yang bertindih antara agensi. Maka, adalah perlu bagi agensi-agensi kerajaan menyeragamkan undang-undang bagi mengurangkan kekeliruan di kalangan masyarakat nelayan.	
Pemasangan alat <i>Turtle Excluder Device</i> (TED)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- terdapat kapal pukat tunda yang memukat di kawasan berdekatan Taman-Taman Sabah dan menyebabkan banyak penyu tertangkap.</li> <li>- Pemasangan peralatan TED boleh digalakkan bagi kapal pukat tunda Sandakan.</li> </ul>	1. Jabatan Perikanan Sabah 2. Jabatan Perikanan Malaysia 3. Taman-taman Sabah 4. WWF-Malaysia
Perlindungan Hutan Bakau	Hutan Paya Bakau penting sebagai nurseri udang laut	Jabatan Perhutanan Sabah

## Pelan Tindakan EAFM 2015-2016

Program	Jadual
(1) Mengadakan beberapa sesi konsultasi/bengkel EAFM bersama dengan pihak-pihak berkepentingan berdasarkan prinsip-prinsip dan proses EAFM.	Julai - Ogos 2015
(2) Menentukan 'gap' dan keperluan data /kutipan data tambahan dan menganalisa data untuk menyediakan Pelan EAFM.	Ogos - September 2015
(3) Menyediakan, membenteng dan mendapat maklum balas draf isi kandungan Pelan Pengurusan Bersepadu Perikanan Udang Laut Sandakan berdasarkan EAFM.	September – Oktober 2015
(4) Mengadakan sesi pembentangan/konsultasi, mendapatkan maklum balas draf pertama Pelan Pengurusan Bersepadu Perikanan Udang Laut Sandakan berdasarkan EAFM.	November 2015
(5) Membenteng, memuktamadkan, dan menandatangani Pelan Pengurusan Bersepadu Perikanan Udang Laut Sandakan.	Januari-Februari 2016
(6) Melaksana Pelan Pengurusan Bersepadu Perikanan Udang Laut Sandakan berdasarkan EAFM.	2016-2020





## LAMPIRAN D



Foto 1: Pihak berkepentingan perikanan udang laut yang menghadiri konsultasi



Foto 2: Peserta-peserta Pembentangan Hasil Konsultasi Bersama Pihak Berkepentingan Industri Perikanan Udang Laut Di Daerah Sandakan Sabah Dan Program Mini Eafm Industri Perikanan Udang Laut Sandakan



Foto 3: Dr. Norasma Dacho, Jabatan Perikanan Sabah membentangkan hasil mini EAFM yang telah diadakan pada 5 Ogos 2015



Foto 4: Dr. Norasma Dacho mengadakan sesi perbincangan dengan ahli-ahli mesyuarat berkenaan isu dan cabaran industri udang laut



Foto 5: En. Masni bin Omar, nelayan kg. Tanjung Aru menunjukkan gambar GPS yang menunjukkan kawasan perairan Kg. Tanjung Aru mempunyai kedalaman melebihi 9 meter



Foto 6: En. Laester Bulun, Ketua Pengkalan Penguatkuasaan Daerah Sandakan menyatakan syabas kepada En. Masni bin Omar kerana berusaha mendapatkan maklumat berkenaan kawasan penangkapan ikan





Foto 7: En. Phua Peh Chee, Pengerusi Persatuan Nelayan Sandakan bertanya berkenaan elaun sara hidup nelayan



Foto 8: En. Mohd Sulong bin Ampong, LKIM menerangkan berkenaan elaun sara hidup dan insentif tangkapan



Foto 9: En. Mohd. Kassim Karim, Taman-taman Sabah menyatakan pendapat beliau berkenaan pam bot



Foto 10: En. Yursan bin Yusop, nelayan kg. batu putih, mencadangkan agar pihak kerajaan mengurangkan kedalaman bagi kawasan penangkapan ikan larangan